

4,245 mangsa banjir empat negeri



Banjir

KUALA LUMPUR – Banjir akibat hujan berterusan di Johor, Melaka, Perak dan Selangor sejak seminggu lalu menyebabkan jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir mencecah 4,245 orang.



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie (**gambar kecil**)

berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membuka pusat pemindahan di kawasan berkenaan untuk menempatkan mangsa banjir.

“Jumlah pusat pemindahan yang dibuka ialah 29 buah iaitu 17 buah terletak di Johor, dua di Melaka, dua di Perak dan lapan di Selangor,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran pakej kebajikan Astro di Pusat Aktiviti Warga Emas Cheras Baru di sini semalam.



KETUA WANITA UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (kanan) memangku bayi, Mohamad Adil Putera Mohd. Amin, satu bulan, ketika melawat mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Dengkil semalam.

Beliau berkata, JKJ telah membekalkan segala peralatan seharian seperti makanan, selimut, tikar dan peralatan berkaitan untuk mangsa bencana di pusat pemindahan.

Beliau berkata, sejumlah pusat pemindahan telah ditutup setelah banjir beransur pulih di Johor, Melaka dan Perak.

Seai Kie berkata, tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan setakat ini.

Beliau berkata, JKJ turut menyediakan pengangkutan untuk membawa pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ke pusat peperiksaan di kawasan yang terjejas akibat banjir.